

10/02/2003

Putar belit Singapura untuk nikmati harga air murah

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

"SAYA rasa tidak elok kalau anda menulis surat kepada teman wanita dan kemudian teman wanita anda mengedarkan surat itu kepada semua teman lelakinya. Saya fikir, saya tidak boleh bersama teman wanita bersikap seperti itu."

Kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini mungkin memberi kepuasan kepada rakyat Malaysia yang sudah bosan dengan sikap angkuh dan berlagak Singapura dalam menangani isu dua halanya dengan negara ini.

Namun, kenyataan tegas Perdana Menteri itu tidak mustahil akan turut diputarbelitkan Singapura, sebagaimana yang telah dilakukan pemimpinnya dalam setiap rundingan atau perbincangan dengan pemimpin negara ini, terutama berkaitan isu harga air mentah.

Dalam sidang Parlimen republik itu, Menteri Luarnya, S Jayakumar, menuduh Malaysia bertindak sebagai diktator dalam setiap rundingan harga air kerana kononnya Malaysia kerap mengubah pendirian mengenai pertikaian itu.

Malah, Singapura dengan angkuhnya mengatakan Malaysia tidak mempunyai hak untuk mengkaji semula harga air mengikut Perjanjian Air 1961 dan 1962

di samping menganggap Malaysia mencabar Perjanjian Pemisahan 1965.

Tidak berhenti di situ, Singapura terus bertindak dengan menerbitkan 19

surat antara pemimpin Malaysia dan Singapura di antara 2000 dan 2001 menerusi The Straits Times, akhbar milik Singapore Press Holdings (SPH).

Namun, sesiapa juga boleh lihat, jika Singapura benar-benar ikhlas ingin

memberi penjelasan kepada rakyatnya mengenai pertikaian harga air dengan negara ini, mengapa tidak republik itu turut menerbitkan kandungan sebenar

kedua-dua perjanjian air dan Perjanjian Pemisahan itu? Pasti mereka tidak akan berbuat demikian kerana secara jelas, republik itu ingin merahsiakan hak sebenar negara ini mengikut peruntukan yang ditetapkan dalam kedua-dua perjanjian berkenaan.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, dalam penjelasannya mengenai

rundingan harga air, kepada pemberita baru-baru ini, berkata sekiranya Malaysia dikatakan memaksa atau bersikap seperti diktator, negara ini tidak perlu menunggu sehingga beberapa tahun ini tetapi boleh terus menggunakan proses undang-undang dari mula.

"Kenapa kita membabitkan kedua-dua Perdana Menteri, menteri, dan pegawai

kita? Kalau kita nak paksa, kita boleh ambil tindakan unilateral, yang kita percaya, di bawah perjanjian itu, kita berhak.

"Tapi kita tak buat macam itu, kita bawa kepada meja rundingan dan bentangkan (formula harga air) kepada mereka bagi mereka menimbang.

"Kita menjemput mereka untuk berunding. Kita tawar formula kita, mana ada paksaan. Kita memberi pelbagai pilihan bagi mereka menimbang yang mana

mereka boleh terima.

"Bukannya kita mengubah pendirian kita. Malah, kita faham, bila harga air mentah naik, peningkatan harga juga akan dibuat kepada air proses yang dijual semula kepada kita. Ini pun mereka tak terima," katanya.

Syed Hamid berkata, Singapura yang sebenarnya memaksa Malaysia atau bertindak seperti diktator dengan memberi contoh pertemuan Menteri Kanan republik itu, Lee Kuan Yew, dengan Dr Mahathir sebelum ini.

Dalam pertemuan itu, beliau berkata, Lee meminta Malaysia menjual air mentah dengan harga 30 sen, sebagaimana yang dicaj kepada Melaka, tetapi Dr Mahathir tidak dapat menerima kerana Melaka adalah sebahagian daripada Malaysia.

"Kemudian Lee berkata 45 sen. Kita tidak mahu rundingan itu berakhir, jadi kita tawar dengan harga 60 sen," katanya sambil menambah harga yang ditawarkan itu (60 sen) adalah selaras dengan pengiraan semula yang membabitkan kos pengeluaran harga Newater - sumber air republik itu yang dikitar semula.

Sebelum itu, Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong, mencadangkan agar harga air mentah yang dijual oleh Malaysia perlu selari dengan kos bagi pengeluaran sumber alternatif air negaranya itu.

Namun, Syed Hamid berkata, apabila Malaysia mengatakan yang kiraan Singapura hendaklah berdasarkan kepada kos kitar semula dan air yang ditawarkan, republik itu tidak dapat menerimanya.

"Selama ini, mereka yang nak ikut kata mereka saja tetapi kita tak boleh terima arahan mereka ini. Jadi siapa yang paksa siapa?," tambahnya.

Contoh lain, Syed Hamid turut menjelaskan mengenai Perjanjian Pemisahan di antara Malaysia dan Singapura yang antara lain tidak mengandungi peruntukan mengenai harga air. Ini kerana, katanya, peruntukan mengenai kajian semula air tertakluk di bawah Perjanjian Air 1961 dan 1962.

Pada masa sama, beliau berkata, perjanjian itu juga memperuntukkan kebenaran bagi Malaysia menggunakan Woodlands untuk kegunaan pertahanan negara. Bagaimanapun, Singapura telah meningkatkan kadar sewa hingga menyebabkan Malaysia terpaksa keluar dari situ.

"Jadi, mereka patut jelaskan satu persatu kerana dalam perjanjian berkenaan, tidak ada langsung yang mengatakan Malaysia tidak boleh mengkaji semula harga air," katanya.

Syed Hamid turut membidas dakwaan Singapura yang mengatakan Johor mengaut keuntungan tetapi Singapura sengaja tidak menjelaskan bagaimana mereka sekian lama mengaut keuntungan daripada penjualan air kepada rakyatnya.

Singapura kini membeli air mentah dari Malaysia dengan harga tiga sen bagi setiap 1,000 gelen tetapi mengenakan harga S\$8.28 (RM17.38) bagi setiap 1,000 gelen air kepada penggunaanya.

Sebenarnya, sejak 1988, Dr Mahathir sudah menyatakan kepada Singapura mengenai keperluan negara ini untuk mengkaji semula harga air. Malah, pada zaman Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein, iaitu pada 1971, Malaysia sudah memberitahu jirannya bahawa harga itu perlu dikaji semula (cuma pada ketika itu tidak terlalu ditegaskan memandangkan perjanjian itu masih

belum mencapai 25 tahun).

Pada 1998 di Hanoi, Vietnam, kedua-dua negara bersetuju untuk merundingkan isu air secara pakej bersama dengan isu lain.

Isu lain itu termasuk pertikaian pembangunan tanah milik Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB); status Pusat Kastam, Imigresen dan Kuarantin di Tanjong Pagar; penggunaan ruang udara oleh Tentera Udara Singapura; dan pengeluaran wang caruman rakyat Malaysia dari Kumpulan Wang Simpanan Pusat Singapura.

Namun, selepas lima tahun ini, rundingan pakej itu masih belum dapat diselesaikan. Justeru, Dr Mahathir dan Syed Hamid menyatakan kepada rakan sejawatan masing-masing yang air perlu dikeluarkan daripada pakej berkenaan kerana berasakan ia adalah yang paling sukar.

Pada masa sama, Malaysia juga menyatakan kesediaan negara untuk membawa masalah itu kepada pihak timbang tara sekiranya tidak dapat diselesaikan.

Bagaimanapun, Jayakumar dalam pertemuannya dengan Syed Hamid pada ketika itu, meminta sekali lagi untuk berunding (tanpa membawa kepada pihak timbang tara).

Namun, rundingan pada peringkat pegawai selepas itu bertukar menjadi lebih teruk kerana Singapura langsung tidak mahu menerima apa yang ditawarkan Malaysia, dan kerana itulah Malaysia terus menutup pintu rundingannya dengan republik itu.

Selama ini, Malaysia sentiasa beralah dengan sikap Singapura yang langsung tidak fleksibel dan putar belit dalam setiap rundingan.

Pemimpin republik itu sebenarnya sedar akan hakikat yang Malaysia mempunyai hak mutlak dalam penjualan air mentah. Sekiranya tidak, masakan mereka meminta Malaysia menandatangani perjanjian yang lebih luas, yang mana mereka mahu Malaysia menjual air kepada republik itu sehingga satu masa yang tidak ditetapkan.

Pastinya pemimpin negara ini tidak dapat menerima permintaan itu kerana tidak ada sebarang kerajaan di dunia ini yang kekal selama-lamanya. Namun, atas dasar persahabatan dengan Singapura, Malaysia bersetuju untuk menjual air kepada republik itu 100 tahun lagi tetapi dengan harga yang ditetapkan Malaysia.

Namun, hingga hari ini Singapura terus menikmati kadar harga air yang paling rendah di dunia.

Apakah segala tindak-tanduk mereka dalam rundingan dengan negara ini hanya untuk melengah-lengahkan masa Malaysia, supaya mereka terus menikmati kadar harga itu?

Mungkin sudah tiba masanya bagi Malaysia membawa konflik ini kepada Mahkamah Timbang Tara agar dapat menghentikan terus tindakan 'buli' Singapura ini.

Biar undang-undang membuktikan hak negara ini yang sememangnya berada di

tangan kita dan meneruskan dengan hubungan dua hala yang sudah terjalin sekian lama kerana apa pun, Malaysia masih berpegang kepada prinsip diplomatik untuk terus menjalin kerjasama erat dengan Singapura.